



SIARAN AKHBAR

MINGGU PMKS 2023 ZON UTARA BUKA TABIR MINGGU USAHAWAN NEGARA (MUN)

Seberang Jaya, 3 Jun 2023 – Potensi nilai jualan berjumlah RM12 juta melalui sesi padanan perniagaan menjadi sasaran Minggu PMKS 2023 Peringkat Zon Utara yang diadakan di SP Arena, Seberang Jaya, Pulau Pinang. Program yang merupakan acara tahunan oleh SME Corporation Malaysia ini diadakan bersempena dengan Minggu Usahawan Negara (MUN) anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan telah dirasmikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang pada hari ini.

Minggu PMKS bermula dengan Zon Utara di Pulau Pinang diikuti dengan Sarawak, Zon Selatan di Melaka, Zon Pantai Timur di Pahang dan Sabah. Kemuncaknya adalah sambutan MUN dan Minggu PMKS 2023 Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan dari 7 hingga 9 Julai 2023 di Jalan Raja, Dataran Merdeka yang bakal diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Program selama 3 hari dari 2 hingga 4 Jun ini berjaya direalisasikan hasil kerjasama pelbagai pihak yang terlibat dalam pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Antaranya termasuk Kementerian dan Agensi Kerajaan pusat, Kerajaan Negeri dan Agensi Pembangunan Usahawan Negeri Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis, institusi kewangan, universiti, persatuan industri serta badan-badan korporat seperti Pos Malaysia Berhad sebagai Rakan Kurier Rasmi dan Unifi Business, Telekom Malaysia Berhad (TM) yang merupakan Rakan Teknologi Eksklusif. Program ini bertujuan mengiktiraf peranan dan sumbangan PMKS kepada pembangunan ekonomi negara. Pada tahun 2021, 97.4 peratus perniagaan yang didaftarkan di Malaysia terdiri daripada PMKS, merangkumi jumlah keseluruhan melebihi 1.2 juta perniagaan. Pada tahun lalu, PMKS telah mencatatkan sumbangan sebanyak RM518.1 bilion atau 37.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan

menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 7.32 juta orang. Ini adalah seiring dengan kebitaraan Madani Teras Pertama iaitu Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara.

Selain meningkatkan kesedaran umum tentang produk dan perkhidmatan PMKS daripada pelbagai industri serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat, Minggu PMKS juga menawarkan platform untuk hebahan maklumat mengenai pembiayaan dan program pembangunan PMKS yang ditawarkan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan. YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP dalam ucapan aluannya berkata “Tema ‘Sokong Lokal, Sokong PMKS’ diteruskan untuk Minggu PMKS tahun ini bagi meningkatkan sokongan serta menggalakkan orang ramai untuk hadir serta meraikan Minggu PMKS yang diadakan di seluruh negara”.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Rizal Bin Nainy pula, “Penganjuran Minggu PMKS pada tahun lalu berjaya mencatatkan potensi jualan sebanyak RM69.7 juta melalui 578 sesi padanan perniagaan dan hasil jualan langsung sebanyak RM1.7 juta oleh PMKS yang telah menyertai pameran. Kita menjangkakan Minggu PMKS tahun ini akan mencapai sekurang-kurangnya RM70 juta potensi jualan daripada sesi padanan perniagaan di peringkat zon dan kebangsaan.”

Minggu PMKS Zon Utara pada tahun ini berjaya menonjolkan keunikan dan kepelbagaian produk PMKS tempatan khususnya dari negeri Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis antaranya makanan tradisional seperti Putu Perak, Peneram dan Pekasam. Sebanyak kira-kira 90 reruai (booth) disediakan untuk pameran dan karnival jualan selain pelbagai aktiviti menarik seperti *food truck*, kaunter bergerak oleh SSM, KWSP, MBPP, MBSP, JPJ dan Zakat, cabaran TikTok, pemeriksaan kesihatan percuma, pertandingan karaoke dan cabutan bertuah.

Turut hadir semasa Majlis Perasmian ialah YB Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain, Exco Majlis Mesyuarat Kerajaan, Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan Pulau Pinang, Puan Noor Afifah Binti Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan) KUSKOP dan YBhg. Dato' Aziz Bin Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

– TAMAT –

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Strategik
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
Emel : suraini@smecorp.gov.my